

LAMAN TAFALUQUH

Beriman kepada Hari Akhirat

Firman Allah s.wt:

‘Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi segala kesenangan dan kemewahannya, jika dinilai dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya, kalaulah mereka mengetahui (hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan hari akhirat)

(Surah al-'Ankabut:64)

Pengajaran Ayat:

- Ayat di atas dengan jelas menyatakan bahwa kehidupan di akhirat itu adalah sesuatu yang hak (benar-benar akan berlaku)
- Persoalannya, adakah beriman kepada hari akhirat ini benar-benar memberi kesan kepada kehidupan/gerak kerja kita seharian?
- Bagi orang yang yakin hari akhirat, sudah pasti segala persiapan untuk menghadapinya akan dipersiapkan di dunia.
- Ingatlah bahawa hidup di dunia ini hanyalah sebagai transit (tempat persinggahan) sebelum menghadapi kehidupan akhirat yang benar-benar abadi
- Oleh yang demikian, hendaklah kita menggunakan peluang yang ada di dunia ini untuk mengumpul seberapa banyak amalan soleh untuk dibawa ke akhirat sana.
- Ingatlah bahawa setiap saat dan ketika kita hidup di dunia ini akan dihisab di akhirat nanti. Jika baik amalan kita, maka baiklah ganjaran di sana nanti, dan jika sebaliknya maka azab yang berat pasti menanti.